



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG

NAMA

KELAS



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH PULAU PINANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
SEJARAH
Tingkatan 5
Kertas 2

1249/2

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B**
2. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan tiga soalan dalam **Bahagian B**.
3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas jawapan **Bahagian B**.
6. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1		
	2		
	3		
	4		
B	5		
	6		
	7		
	8		
	9		
Jumlah			

Kertas ini mengandungi 12 halaman bercetak.
1249/2@2026 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

[Lihat halaman sebelah
SULIT

BAHAGIAN A
[40 MARKAH]

Jawab semua soalan bahagian ini.

1 Terdapat tiga golongan intelektual yang mempelopori pergerakan nasionalisme di negara kita pada tahun 1900-an.

(a) Senaraikan tokoh intelektual berikut :

(i) Berpendidikan Inggeris

.....
[1 markah]

(ii) Berpendidikan Melayu

.....
[1 markah]

(b) Bagaimanakah golongan intelektual di 1(a) membangkitkan kesedaran semangat antipenjajah dalam kalangan masyarakat tempatan?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]

- (c) Poster berikut menggambarkan sokongan kerajaan untuk memelihara hak asasi kanak-kanak.



Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



2 Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) Tanah Melayu ialah badan yang ditubuhkan untuk menggubal undang-undang pentadbiran.

(a) Nyatakan dua ciri Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Petikan berikut berkaitan dengan kepimpinan dalam sesebuah pentadbiran.

Tugas para pemimpin yang utama adalah menggerakkan organisasi yang dipimpinnya mara ke hadapan dengan cara meningkatkan kerjasama di kalangan anggotanya.

Sumber ubahsuai : www.eprints.iab.edu.my

Ulasikan ciri-ciri kepimpinan berwibawa yang diperlukan dalam menerajui sesebuah pentadbiran.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Kekukuhan sistem Persekutuan di negara kita berkait rapat dengan konsep keluhuran Perlembagaan Persekutuan.

(a) Namakan dua peringkat kerajaan dalam sistem Persekutuan di negara kita.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Bagaimanakah keluhuran perlembagaan mengukuhkan sistem persekutuan?

.....

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti infografik berikut.



Sumber : Infografik Bernama

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

4 Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13.

(a) Senaraikan dua prinsip Rukun Negara.

(iii)

(iv)

[2 markah]

(b) Jelaskan prinsip Rukun Negara di 4(a) tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti petikan berikut.

Rukun Negara memainkan peranan penting dalam memartabatkan perpaduan serta memastikan keamanan dalam negara yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Sumber : astroawani.com.my

Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

BAHAGIAN B**[60 MARKAH]**

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.

5 Perkembangan pengaruh komunis di negara kita berlaku sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua sehingga menyebabkan Kerajaan British terpaksa mengisytiharkan darurat.

(a) Jelaskan perkembangan pengaruh komunis di negara kita berdasarkan negara berikut:

(i) China

[4 markah]

(ii) Indonesia

[4 markah]

(b) Pelaksanaan darurat memberikan kesan yang mendalam terhadap perkembangan politik di negara kita. Bincangkan.

[4 markah]

(c) Teliti sajak berikut.

kemerdekaan mendorong kita berdiri dan berbakti
dan dalam alaf baru
semangat kita wajar padu berjalan kita
atas nama tanah air dan bangsa
bangga kerana merdeka
megah kerana bahagia.

Karva : Erti Kemerdekaan, Datuk A. Samad Said

Huraikan mesej yang terkandung dalam sajak tersebut.

[8 markah]

SULIT

- 6 Upacara sambutan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu merupakan detik bersejarah bagi negara kita.
- (a) Jelaskan peranan Jawatankuasa Persediaan Fizikal dalam memastikan upacara pemasyhuran kemerdekaan berjalan lancar. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah kemerdekaan memberi kesan sosial terhadap negara kita? [4 markah]
- (c) (i) "Kedaulatan merupakan perkara asas dalam sesebuah negara".
Ulasakan. [6 markah]
- (ii) Bagaimanakah cara meningkatkan jati diri dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia? [6 markah]

7 Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri penting bagi memastikan segala usaha pembangunan dapat memberikan manfaat demi kesejahteraan rakyat.

(a) Jelaskan bentuk kerjasama dalam aspek berikut :

(i) Pembangunan Tanah

[6 markah]

(ii) Penyediaan Perumahan Rakyat

[6 markah]

(b) Teliti infografik berikut.



Sumber : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Beri ulasan anda.

[8 markah]

8 Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 telah mencatatkan satu titik hitam yang pasti tidak dapat dilupakan oleh setiap rakyat Malaysia.

(a) Mengapakah berlakunya peristiwa tersebut? [6 markah]

(b) Jelaskan langkah kerajaan menyelesaikan peristiwa tersebut. [6 markah]

(c) Baca petikan tersebut.

Akta Keselamatan Dalam Negeri telah mengumumkan bahawa adalah mustahil untuk Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dimansuhkan, tetapi ia boleh dipinda supaya lebih bersesuaian dengan keadaan semasa. Antaranya tujuan ia dikekalkan adalah seperti berikut iaitu akta tersebut masih relevan bagi memelihara keharmonian dan ketenteraman awam di negara ini. Sekiranya dimansuhkan golongan yang mempolitikkan ISA akan lebih berani mendesak supaya dihapuskan perkara-perkara lain yang termaktub dalam perlembagaan negara.

Seterusnya dapat mempertahankan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Undang-undang ini mencegah tindakan menukar sistem pemerintahan negara secara tidak demokratik, bersifat pencegahan dan bukannya kuku besi. Hanya dikenakan ke atas individu untuk mencegah mereka daripada bertindak menjejaskan ketenteraman awam, kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara.

Sumber: Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, 1 Ogos 2009

Huraikan faedah pelaksanaan akta tersebut.

[8 markah]

9 Malaysia mengamalkan ekonomi pasaran bebas selari dengan perkembangan yang berlaku dalam ekonomi antarabangsa.


(a) Jelaskan usaha Malaysia dalam menangani isu tersebut:

(i) Meluaskan Pasaran Ekonomi [4 markah]

(ii) Menghalang dominasi ekonomi oleh negara maju [4 markah]

(iii) Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga [4 markah]

(b) Teliti infografik berikut.



Sumber : sinarharian.com.my

Berdasarkan infografik tersebut, ramalkan kesan terhadap Malaysia jika keadaan tersebut berterusan. [8 markah]

* SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT *

SULIT

